

Tuduhan Mohammad Nizar Terhadap Najib Keterlaluan, Bersifat Hasutan - Zambry Bernama
25 April , 2012

IPOH, 25 April (Bernama) -- Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir menyifatkan tuduhan ketua pembangkang negeri Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin kononnya Perdana Menteri mengadakan perjumpaan dengan pemimpin serta pegawai kanan tentera berhubung pilihan raya sebagai melampau, keterlaluan dan bersifat hasutan.

Beliau berkata dalam ceramah di Taman Desa Pakatan, Pengkalan pada Isnin lepas, Mohammad Nizar menggambarkan seolah-olah Datuk Seri Najib Tun Razak telah meminta pemimpin tentera melakukan sesuatu berhubung pilihan raya sehingga tercetus pertikaman lidah antara mereka.

"Dia (Mohammad Nizar) begitu celupar melemparkan tuduhan, dia tidak kisah mengeluarkan kenyataan bersifat hasutan, dia tidak fikir implikasinya dan dia menggambarkan satu perkara yang menakutkan. Ini keterlaluan dan melampau," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco mingguan kerajaan negeri di sini, Rabu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan Mohammad Nizar bahawa Najib telah mengadakan pertemuan dengan pemimpin dan pegawai kanan angkatan tentera dan meminta mereka melakukan 'sesuatu' jika BN tewas dalam pilihan raya umum akan datang.

Dalam ceramah itu, Mohammad Nizar turut mendakwa pemimpin dan pegawai kanan tentera itu enggan berbuat demikian dan akan tetap bersama-sama rakyat jika BN tewas dalam pilihan raya itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=661756>